



Selasa, 22 Jun 2021, 11:43am
Waktu Solat Kuala Lumpur : Zohor 1:19 PM

Cari kata kunci



RASAI BERITA SEBENAR

'Kami yakin vaksinasi langkah terbaik - Ibu hamil

[BERNAMA](#)



GAMBAR hiasan. FOTO BERNAMA


This is MOTHER TRUCKER toughness, ...



Trending



[Geng kongsi gelap langgar SOP dicekup](#)



[Bertahan 123 hari saja](#)



[Bekas menteri ditahan atas dakwaan rogol pelakon kelahiran Malaysia](#)



['Nak kurus macam saya, kena periksa darah dulu' - Shima](#)



[Anang positif, isu hutang keluarga besan...](#)

Jitra: Di sebalik cerita negatif mengenai vaksin Covid-19 yang digembar-gemburkan oleh golongan antivaksin, kisah ibu hamil mengalami pelbagai kesan teruk akibat dijangkiti virus itu termasuk melahirkan bayi pramatang lebih menggosokkan hati Noor Syakila Mothar yang bakal melahirkan anak pada September ini.

Lantaran itu, suri rumah berkenaan memutuskan untuk melindungi kandungannya yang berusia 27 minggu dengan mendaftar melalui MySejahtera bagi mendapatkan vaksin Covid-19.

"Sedih dan sayu bila terbaca kisah seorang ibu yang positif Covid-19 merayu agar doktor selamatkan bayinya secara pembedahan walaupun usia kandungan belum cukup tempoh, tapi mujurlah keduanya selamat.

"(Dimaklumkan) Bila Covid-19 menyerang, ia 'merosakkan' badan dengan sangat cepat, dalam beberapa hari boleh jadi tahap empat atau lima. Jadi saya fikir kalau ibu hamil dah divaksin, harapnya peluang dapat Covid-19 lebih tipis," kata suri rumah berusia 35 tahun itu kepada Bernama di sini, hari ini.

Keputusan sama turut diambil Najwa Mohd Said, 29, walaupun usia kandungannya masih terlalu awal, baru mencecah sembilan minggu.

"Saya agak paranoid dengan keadaan sekarang, rasa sangat tidak selamat dan saya sangat berharap agar ada vaksin yang bersesuaian untuk ibu-ibu seperti saya," kata suri rumah itu.

Najwa berkata, suntikan vaksin itu baginya merupakan antara ikhtiar untuk melindungi diri daripada wabak yang sedang mengganas tersebut, atau paling tidak dapat memberikan sedikit kelegaan kepadanya jika terpaksa berada dalam khalayak ramai.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Kedah Dr Mohd Fikri Ujang berkata, wanita berbadan dua lebih cenderung untuk mengalami kesan yang lebih teruk apabila dijangkiti Covid-19 berbanding wanita tidak hamil.

"Mendapatkan vaksinasi semasa hamil akan melindungi ibu mengalami kesan teruk akibat Covid-19. Maklumat berkenaan vaksin untuk ibu hamil boleh diperoleh daripada laman sesawang informasi vaksin Kementerian Kesihatan dan mereka juga boleh mendapatkannya di klinik ibu mengandung.

"Sekiranya masih ada keraguan, berbincang dan dapatkan pandangan daripada pegawai perubatan yang merawat anda," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19

Mutakhir



[Maqis tahan 98.4 tan makanan tambahan haiwan](#)




[Segerakan program imunisasi berkelompok untuk penggiat industri kreatif](#)



[Masuk hutan untuk suntik vaksin](#)



[Wanita 100 tahun antara penerima pertama vaksin di PPV Sook](#)



[Kakitangan pelantar minyak cetus Kluster Samedra](#)



[Trek balapan bertukar wajah](#)


MyResipi



[Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!](#)



[Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam](#)




[Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tiga Ini](#)

Kebangsaan Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata hanya vaksin keluaran Pfizer-BioNTech sesuai diberikan kepada mereka yang hamil dengan tempoh kandungan berusia 14 hingga 33 minggu.

- [Lagi berita berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan](#)
- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 21, 2021 @ 6:44pm

Artikel Berkaitan



GLOBAL
[Covid-19: 70 ibu hamil di Oman dijangkiti](#)



MUTAKHIR
[Ibu hamil, menyusukan anak boleh kemas kini MySejahtera](#)



SIHAT
[Waspada apabila disah hamil](#)



MUTAKHIR
[Ciri baharu MySejahtera kenal pasti wanita hamil, ibu menyusu \[METROTV\]](#)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



Are you adv...
[Learn More](#)
Australia.com




Dubai Villa Prices Fall to Lowest Point in a Decade
Mansion Global



Mansion Global Daily: The Return of NYC...
Mansion Global



Your IQ Is 142 If You Get 15/20 On This Genera...
TooCool2BeTrue



9/10 People Fail This Movie Quiz, Can You Pass?
Parentsdome Galleries



Shah Alam: Liquidation of Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads



How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%
Electricity Saver



Invest in Amazon and others and create a second...
Top Invest Advisor



[Betul? Jom Cuba Tips ini](#)

[Hanya Guna Puff Pastry, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!](#)



[Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng](#)

© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami	Utama	Akademia	Addin
Team myMetro	Mutakhir	#ITMetro	Rencana
RSS Feed	Global	Ku Bela	Sihat
Disclaimer	Arena	Santai	Xpresi
Notis Perlindungan	Rap/Rapxtra	P&P	Vroom
Data Peribadi	Bisnes	Dekotaman	Galeri
	MetroTV	WM	Infografik